

MINIT MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 5/2014

SURAU AN NUR SETIA ECO PARK

TARIKH : 26 Okt 2014 (AHAD)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : SURAU AN NUR, SETIA ECO PARK
KEHADIRAN : SEPERTI DI LAMPIRAN
AGENDA :

1. KATA-KATA ALUAN Pengerusi Surau An Nur

Yang Berbahagia Datuk Mohamad Bin Maidon merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada AJK yang hadir. Mesyuarat kali ini tidak ada agenda khas, dan akan membincangkan hal hal pengurusan aktiviti surau.

2. MELULUSKAN MINIT MESYUARAT

Minit mesyuarat siri 4/2014 telah diluluskan setelah dicadangkan oleh Dr Zakir dan disokong oleh Hj Shamsudin.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat diteruskan dengan membincangkan cadangan berikut:

Siri	Perkara	Tindakan
3.1	<p>LAPORAN KEWANGAN</p> <p>Bendahari telah membentangkan kedudukan kewangan surau berakhir pada 30 Sep 2014.</p> <ul style="list-style-type: none">- Cash In Hand: RM 837.40- Baki di Bank: RM 11,997.82- Jumlah: RM 12,835.22 <p>Semua bill setakat bulan Sep 2014 telah dijelaskan.</p> <p>Beliau menjelaskan laporan akaun setiap 6 bulan perlu disediakan dan diserahkan kepada JAIS. Oleh kerana tiada siapa yang mahir, mesyuarat bersetuju untuk melantik akauntan professional dengan bayaran.</p> <p>Beliau turut menjelaskan bahawa yuran tetap dari semua kariah perlu dikutip memandangkan baki kewangan semakin menurun dengan aktiviti surau yang makin bertambah. Perbelanjaan</p>	

	<p>bulanan surau adalah RM 2,000.00 sebulan.</p> <p>Beliau turut memaklumkan perbelanjaan surau bagi bulan Ramadhan 2014 adalah RM 12,000.00</p> <p>Mesyuarat bersetuju untuk kutipan RM 50 setiap keluarga diaktifkan semula. Setiausaha dikehendaki untuk memaklumkan kepada semua kariah. Bendahari perlu menyediakan mekanisma merekod bayaran kariah.</p>	<p>Setiausaha, Bendahari</p>
<p>3.2</p>	<p>GARISPANDUAN PENGURUSAN SURAU JAIS</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa garis panduan pengurusan surau JAIS perlu dipatuhi. Garispanduan tersebut telah diserahkan semasa kursus pengurusan surau yang telah dihadiri oleh Haji Jasmani.</p>	<p>Setiausaha Bendahari</p>
<p>3.3</p>	<p>PENGURUSAN JENAZAH</p> <p>Pengerusi memaklumkan bahawa Surau An Nur telah dilantik sebagai pusat pengurusan jenazah kariah Setia Alam. Berikut adalah beberapa tindakan susulan yang diperlukan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hj Hamdan adalah coordinator hal ehwal urusan jenazah - Kursus telah diadakan untuk pengurusan jenazah lelaki, satu sesi untuk pengurusan jenazah wanita diperlukan - Format SOP tindakan berlaku kematian dan urusan perlu disediakan - Van jenazah untuk kariah Setia Alam dipegang oleh Surau Jumaat Luqman Al Hakim - Status tanah perkuburan kariah Setia Alam perlu diperolehi daripada Pemaju atau MBSA. - Kos pengurusan setiap jenazah dianggarkan sebanyak RM 1,000.00 - Bilik jenazah perlu diubahsuai, kos diluluskan sebanyak RM 1,000.00 	<p>Hj Hamdan Dr Fadh Setiausaha Bendahari</p>
<p>3.4</p>	<p>PUSAT KECEMERLANGAN BACAAN AL QUR'AN</p> <p>Pengerusi memaklumkan Surau An Nur sebagai pusat kecemerlangan membaca Al Qur'an, melalui program berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kelas bimbingan 'beginner' mingguan oleh Datuk Pengerusi - Tadarus setiap malam Jumaat - Kelas bimbingan Muslimah setiap 2 minggu - Program bimbingan kanak-kanak dan remaja perlu diadakan 	<p>Setiausaha</p>

<p>3.5</p>	<p>PEMELIHARAAN FASILITI SURAU</p> <p>Pengerusi mengarahkan Hj Jasmani sebagai kordinator menjaga fasiliti surau. Perkara berikut dipersetujui:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pintu pagar surau perlu sentiasa ditutup, sekiranya perlu pintu belakang perlu dikunci. - Bersetuju untuk ruang utama surau dikunci dan sediakan tempat solat di luar untuk elakkan pengunjung tidur di ruang solat pada waktu tengahari. - Landscaping surau – jangkamasa penjagaan oleh pemaju akan tamat hujung 2014, perlu untuk lantik kontraktor tetap. 	<p>Hj Jasmani</p>
<p>3.6</p>	<p>CADANGAN MENGIMARAHKAN SURAU</p> <p>Untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai ahli kariah kepada aktiviti surau, cadangan berikut akan dilaksanakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Program remaja – futsal, bowling, sukan bersama ibu bapa akan dilaksanakan. Program cuti sekolah untuk remaja diluluskan. - Suaikenal bersama kariah baru – acara BBQ akan diadakan untuk semua ahli kariah meraikan ahli baru. - Acara bersama anak yatim – perlu diteruskan dengan menjadikan mereka sebagai anak angkat surau. - Website surau – memastikan maklumat dikemaskini dan dijadikan sebagai sumber rujukan aktiviti dan kegiatan surau - Saluran Whatsap Surau An Nur terlalu aktif dengan perbincangan hingga menenggelamkan pengumuman aktiviti surau, satu saluran baru khas perlu diadakan untuk tujuan pengumuman dari surau. 	<p>Sdra Zaini / Biro Remaja</p> <p>Dr Fadh</p> <p>Dr Anis</p> <p>Hj Mokhsein</p> <p>Setiausaha</p>

4. UCAPAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap agar perjalanan aktiviti akan berjalan lancar dan tersusun.

Mesyuarat akan datang akan diadakan dalam masa sebulan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 9.00 malam.

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....
 (HJ MAT ASIS BIN MAHNOON)
 Setiausaha SURAU AN NUR

.....
 (DATUK MOHAMMAD BIN MAIDON)
 Pengerusi SURAU AN NUR

SENARAI KEHADIRAH MESYUARAT AJK SURAU AN NUR SIRI 5/2014

PADA 26 OKT 2014

NAMA JAWATAN	NAMA PENYANDANG	KEHADIRAN
PENGERUSI	DATUK MUHAMMAD BIN MAIDON	Hadir
SETIAUSAHA	HAJI MAT ASIS BIN MAHNOON	Hadir
BENDAHARI	HAJI SHAMSUDIN BIN BASRI	Hadir
AJK WANITA	DR ANIS SAFURA BINTI RAMLI	Hadir
AJK REMAJA	EN ZAINI BIN ZAKARIA	Hadir
AJK	PUAN NORAINI BINTI ROSLAN	Hadir
AJK	HAJI MOKHSEIN BIN ABDULLAH	Tidak Hadir
AJK	HAJI AHMAD NAJHAN BIN JAMIL	Tidak Hadir
BILAL 1	HAJI JASMANI BIN HJ ABBAS	Hadir
BILAL 2	DR MOHD FADHLILLAH BIN MAHMOOD	Hadir
BILAL 3	DR ZULKIFLI BIN ZAINAL ABIDIN	Hadir
BILAL JENAZAH LELAKI	HAJI HAMDAN BIN ZAMBAHARI	Tidak Hadir
BILAL JENAZAH WANITA	DATIN FARIDAH BINTI ARIS	Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 1	DR ZAKIR HUSSAIN	Hadir
PEMERIKSA KIRA KIRA 2	HAJI AYUB KHAN BIN MOHAMOD	Tidak Hadir